

27 JUN 2003

UKM-Makmal

UKM BANGUNKAN MAKMAL INTERIM SEBAGAI SOKONGAN TERHADAP LEMBAH BIO

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah membangunkan makmal interim bagi satu daripada tiga institut bioteknologi Lembah Bio Malaysia iaitu Institut Kebangsaan Genomik dan Biologi Molekul sebagai tanda sokongannya terhadap projek Lembah Bio yang dilancarkan bulan lepas.

Naib Canselor UKM Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin berkata makmal yang dilengkapi dengan kemudahan sains komputer ini dapat membangunkan teknologi-teknologi penting yang diperlukan Lembah Bio seperti teknologi genomik dan bioinformatik.

Teknologi ini diperolehi melalui projek penyelidikan genomik yang telah dimulakan dengan projek dalam bidang genomik mikrob seperti bakteria, parasit dan virus.

"Makmal ini telah berjaya melengkapkan penjujukan dua kromosom parasit penyakit ayam bernama *Elimeria tenella* dan mengesan bakteria yang boleh menyebabkan radang paru-paru pada haiwan dan manusia melalui penggunaan cip gen," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Terbaru UKM dengan kerjasama beberapa institusi lain berjaya mencatatkan rekod untuk menyiapkan urutan virus korona dua jenis haiwan dalam masa seminggu setaraf dengan pencapaian makmal-makmal terkenal luar negara.

Beliau berkata kejayaan penjujukan ini penting sebagai persediaan negara untuk menghadapi masalah perebakan penyakit haiwan dan manusia dan mengurangkan kebergantungan negara kepada pihak luar.

Projek Lembah Bio Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dengkil pada 20 Mei yang lalu berperanan sebagai pusat penyatuan semua bioteknologi yang dijalankan di seluruh negara serta membantu, menyelaraskan dan menggalakkan pengkomersilan penemuan dan produk para pemegang amanahnya.

Fasa pertama Lembah Bio Malaysia yang menelan belanja RM100 juta itu akan menjadi kawasan aktiviti bioteknologi seperti penyelidikan ubat-ubatan dan pemprosesan bio yang dikendalikan dalam platform teknologi yang berbeza.

Beliau yakin infrastruktur bertaraf dunia dan persekitaran kerja yang kondusif ini hanya akan dicapai sekiranya ada sokongan dan kerjasama semua pemegang amanah.

-- BERNAMA

RW SAK AHH RHM